



19 JUN, 2025

Manfaat peluang kerjasama serantau



Sinar Harian, Malaysia



Mareena (lapan dari kanan) bergambar bersama perwakilan lain sempena Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN mengenai Tenaga ke-43 dan mesyuarat berkaitan di Kuching, Sarawak.

Manfaat peluang kerjasama serantau

Dalam usaha peralihan kepada tenaga boleh baharu

KUCHING

Negara anggota ASEAN perlu memanfaatkan pelbagai peluang kerjasama dan sokongan daripada rakan serantau serta antarabangsa dalam usaha peralihan kepada tenaga boleh baharu.

Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga) Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Mareena Mahpudz berkata, pelbagai usaha bagi membangunkan sektor tenaga kini boleh diteroka termasuk yang diselaraskan oleh Sekretariat ASEAN dan Pusat Tenaga

ASEAN, berpangkalan di Jakarta, Indonesia.

“ASEAN mempunyai banyak peluang dan jemputan kerjasama daripada rakan antarabangsa.

“Kerjasama ini bukan melibatkan dana semata-mata, malah dari segi kepakaran teknikal dan pembangunan bakat modal insan,” katanya kepada *Bernama* dalam temu bual eksklusif sempena Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN mengenai Tenaga ke-43 di sini.

Menurut Mareena, Rusia misalnya, yang mempunyai kepakaran teknologi nuklear menawarkan pelbagai program kerjasama kepada negara ASEAN.

Katanya, kalangan negara maju turut menawarkan kerjasama lain seperti pembangunan modal insan, dengan menjana penginapan, yuran penyertaan percuma dan sebagainya.

Tambah beliau, dari sudut pembiayaan projek pula, Bank

Pembangunan Asia (ADB) ialah antara institusi kewangan yang sedia membantu negara anggota ASEAN dari segi kewangan.

“Laos misalnya sedang melaksanakan beberapa projek dan mereka mempunyai perjanjian dengan ADB. Begitu juga negara besar lain seperti China yang menyediakan bantuan pembiayaan ini.

“Jadi dari aspek peluang, saya berpandangan ia tidak menjadi satu masalah buat kita. Pelbagai peluang yang ada bagi menyokong peralihan kepada tenaga boleh baharu ini,” katanya.

Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN mengenai Tenaga ke-43 dan mesyuarat berkaitan diadakan pada 16 sehingga 18 Jun, melibatkan kira-kira 250 perwakilan termasuk pegawai kanan tenaga serta wakil daripada Sekretariat ASEAN dan Pusat Tenaga ASEAN.